



## Asal Usul Nama Melaka daripada Pelbagai Sumber

Melaka dikenali dengan pelbagai nama yang diperoleh daripada pelbagai sumber. Antara sumber yang merekodkan asal usul nama Melaka termasuklah sumber tempatan, India, Arab dan Barat.

I


### Sulalatus Salatin

*Sulalatus Salatin* menceritakan bahawa nama Melaka berasal daripada pokok Melaka, tempat Parameswara bersandar ketika pelanduk putih menendang anjingnya.



Pokok Melaka

“Apa nama kayu tempat kita berdiri ini?” Maka sembah orang, “Kayu Melaka namanya tuanku, kayu ini”. Maka titah baginda, “Jika demikian, Melakalah namanya negeri ini.” (*Sulalatus Salatin* hlm. 71)



### Cerdas Minda

Namakan haiwan yang menendang anjing perburuan Parameswara dalam *Sulalatus Salatin*.

**2**

## Sumber Arab

Sumber Arab menyebut Melaka sebagai *Malakat* yang bermaksud perhimpunan segala dagang.

(Sumber: Muhammad Yusoff Hashim, 2015. *Kesultanan Melayu Melaka*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 13)



(Sumber: Muzium Istana Kesultanan Melayu Melaka)

**3**

## Sumber India

Sumber India mengikut mitos Hindu menyatakan Melaka disebut *Amalaka*, iaitu pokok pertama yang tumbuh di alam semesta.

(Sumber: Muhammad Yusoff Hashim, 2015. *Kesultanan Melayu Melaka*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 13)



(Sumber: Muzium Istana Kesultanan Melayu Melaka)

**4**

## Suma Oriental

Nama Melaka berasal daripada perkataan *Malaqa* yang bermaksud tempat perlindungan.

(Sumber: A. Cortesao (peny.), *The Suma Oriental of Tome Pires*. Jilid 2, London: Hakluyt Society, hlm. 234)

Kepelbagai sumber yang merekodkan asal usul nama Melaka membuktikan Melaka sebagai pusat pertemuan pelbagai bangsa dari seluruh dunia.

Pembukaan Melaka telah menjadi asas kepada pemerintahan kerajaan-kerajaan selepasnya. Kita perlu bersyukur dan menghargai warisan negara serta bekerjasama menyumbang kepada pembangunan dan kemakmuran negara.



### Cerdas Minda

Apakah nama Melaka mengikut sumber Arab?



5.2.4

#### Nota Guru

Jelaskan sumber yang merekodkan asal usul nama Melaka.




## Keistimewaan Melaka Semasa Pemerintahan Parameswara

Melaka mempunyai banyak kelebihan untuk dijadikan sebagai pusat pemerintahan kerajaan.

### Terlindung daripada Angin Monsun

- Perairan Selat Melaka terlindung daripada tiupan angin monsun yang membolehkan kapal-kapal belayar dengan selamat.




Peta menunjukkan kedudukan Melaka yang terlindung daripada angin monsun.

## Kedudukan yang Strategik

- Melaka berada pada kedudukan yang strategik di antara jalan laut timur dan barat. Kedudukan yang strategik ini menarik minat para pedagang untuk singgah berdagang.

## Kebijaksanaan Pemerintah

- Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan pentadbiran yang cekap dan terbuka. Keterbukaan ini juga menarik minat kerajaan asing untuk menjalankan hubungan diplomatik dengan Melaka.



Kebijaksanaan Parameswara membawa kepada penubuhan sebuah kerajaan baharu di Melaka.



Apakah sumbangan Parameswara sebagai pengasas Kesultanan Melayu Melaka?



## Aktiviti PAK-21 *Three Stray, One Stay*

### Membina Negara Sendiri

#### Peraturan

- 1 Bina kumpulan yang terdiri daripada lima orang ahli.
- 2 Setiap kumpulan diberikan masa untuk melengkapkan tempat kosong pada kad manila.
- 3 Empat ahli kumpulan akan pergi melihat stesen lain, manakala seorang wakil akan tinggal membentangkan hasil kerja kepada kumpulan lain.



(Sumber: Noryatty binti Kiling)

**Bayangan anda akan menubuhkan sebuah negara baharu.**

Lengkapkan tempat kosong dengan maklumat yang sesuai.

1. Nyatakan nama negara baharu kamu.

---

---

2. Lukis bendera negara kamu sendiri.



3. Nyatakan keistimewaan negara kamu.

- a. \_\_\_\_\_.
- b. \_\_\_\_\_.
- c. \_\_\_\_\_.

4. Sebagai pemerintah, saya akan memastikan ...


- a. \_\_\_\_\_.
- b. \_\_\_\_\_.
- c. \_\_\_\_\_.



## Jom Buat

### MODEL PELABUHAN

#### Alatan dan Bahan



Kotak kasut



Batang aiskrim



Gam



Doh



Penutup botol




Gunting




Kertas warna



Gamkan kertas warna hijau dan biru pada kotak kasut.



Bina jeti dengan menggunakan batang aiskrim dan penutup botol.



Lipat kertas warna menjadi pelbagai saiz sampan.



Gunting kertas warna hijau untuk dijadikan pokok.




Lekatkan pokok pada kotak kasut dengan menggunakan doh.



Model pelabuhan yang telah siap.



## Imbas Kembali




### Kenali Pengasas Kesultanan Melayu Melaka

Kesultanan Melayu Melaka diasaskan oleh Parameswara yang berasal dari Palembang.



### Pengembaraan Parameswara Membina Kerajaan

Pengembaraan bermula dari Palembang, Temasik, Muar dan Sening Ujong sebelum tiba di Melaka.



### Peristiwa Pembukaan Melaka

Baginda membuka Melaka selepas melihat peristiwa pelanduk putih menendang anjing perburuannya.



### Asal Usul Nama Melaka daripada Pelbagai Sumber


Terdapat beberapa sumber yang menyebut asal usul nama Melaka seperti sumber tempatan, India, Arab dan Barat.

Unit ini memperkenalkan Parameswara sebagai pengasas Kesultanan Melayu Melaka. Unit seterusnya akan membincangkan peranan Bendahara Tun Perak, iaitu tokoh yang memajukan Kesultanan Melayu Melaka sehingga menjadi sebuah empayar yang kuat.



## Fikir dan Jawab

1. Lengkapkan peta alir tentang perjalanan Parameswara ke Melaka dengan jawapan yang betul.



2. Jawab soalan di bawah ini:

(a) Nyatakan tiga keistimewaan Melaka semasa pemerintahan Parameswara.

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_

(b) Berikan tiga sifat kepemimpinan Parameswara.

i. \_\_\_\_\_

ii. \_\_\_\_\_

iii. \_\_\_\_\_



# Cinta akan Negara



Istana Negara merupakan lambang keutuhan institusi raja berperlembagaan.

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka telah menjadi asas penubuhan kerajaan yang diwarisi sehingga hari ini.

## Diri

Memahami dan menghayati warisan pemerintahan negara dapat memupuk semangat patriotisme dalam diri kita.

## Masyarakat

Hormat-menghormati sesama ahli masyarakat ialah kunci perpaduan.

## Negara

Menghormati sistem pemerintahan diraja dapat mewujudkan keharmonian dalam negara.


## Unit 10

# TUN PERAK BENDAHARA TERBILANG



### Sinopsis

Tun Perak ialah bendahara terbilang dalam Kesultanan Melayu Melaka. Beliau merupakan tokoh utama yang membangunkan Melaka. Unit ini menghuraikan riwayat hidup, peranan dan kebijaksanaan Tun Perak.



Kebijaksanaan Tun Perak merancang strategi dengan memasang jamung di pesisir pantai ketika Melaka menghadapi ancaman Siam.



## Apakah yang akan anda pelajari?

1. Mengetahui riwayat hidup Tun Perak.
2. Menganalisis peranan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka.
3. Menghuraikan kebijaksanaan Tun Perak.



## Nilai Teras Sivik

- Bertanggungjawab
- Kegembiraan



## Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Mengetahui riwayat hidup Tun Perak.
2. Menerangkan peristiwa yang berlaku berdasarkan peranan Tun Perak.



## Riwayat Hidup Tun Perak

شیرق  
TUN

Bendahara Tun Perak merupakan tonggak utama dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Beliau berasal daripada keluarga pembesar.

Biodata Tun Perak

Nama	Tun Perak
Nama Bapa	Bendahara Seri Wak Raja Tun Perpatih Serdang
Adik-beradik	1. Tun Kudu 2. Tun Perpatih Putih
Jawatan	1. Penghulu Klang 2. Penghulu Bendahari Melaka 3. Bendahara Melaka

I  
Jason, kamu sedang baca apa?



2

Saya sedang membaca biodata Tun Perak. Beliau menyandang beberapa jawatan penting sebelum menjadi Bendahara Melaka. Bapanya juga pernah menjadi Bendahara Melaka.

3

Lihat! Semasa menjadi Penghulu Klang, beliau membawa penduduk Klang termasuk keluarga tentera ke Melaka untuk melawan tentera Siam. Strategi ini telah menaikkan semangat juang dalam kalangan tentera. Bijaknya Tun Perak.

4

Tun Perak telah dilantik sebagai Bendahara Melaka oleh Sultan Muzaffar Shah atas kebijaksanaannya. Beliau telah dianugerahi gelaran Bendahara Paduka Raja.

Beliau telah berkhidmat sebagai bendahara kepada empat orang sultan, iaitu Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah, Sultan Alauddin Riayat Shah dan Sultan Mahmud Shah. Beliau meninggal dunia semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah.

Beliau meninggalkan wasiat kepada Sultan Mahmud Shah supaya menjadi pemerintah yang adil. Kita harus mencontohi dan menghargai jasa Tun Perak.



### Cerdas Minda

Apakah jawatan yang disandang oleh Tun Perak sebelum dilantik sebagai bendahara?



Selain pameran di muzium, bagaimanakah anda menzahirkan penghargaan terhadap jasa dan sumbangan tokoh?

5.3.1  
K 5.3.4

### Nota Guru

Bimbing murid memahami dialog.



## Peranan Tun Perak

Kesultanan Melayu Melaka mencapai zaman kegemilangannya semasa Tun Perak menjadi bendahara. Beliau merupakan ketua pembesar, penasihat sultan, ketua diplomat dan panglima tentera.

### I. Ketua Pembesar

- Menjalankan tugas sultan apabila sultan gering atau ke luar negara.
- Menjalankan tugas-tugas pentadbiran atas arahan Sultan Melaka.
- Memastikan pelaksanaan undang-undang negeri Melaka dipatuhi.



## 2. Penasihat Sultan

- Menasihati sultan dalam hal ehwal pemerintahan.
- Menasihati sultan supaya memerintah kerajaan mengikut ajaran Islam.



Tun Perak menerima anugerah daripada Sultan Melaka.



### Cerdas Minda

Nyatakan tugas Tun Perak.

### 3. Ketua Diplomat

- Menguruskan hubungan diplomatik dengan kerajaan lain seperti China dan Siam.
- Menyambut kedatangan utusan dari negara luar seperti dari Pasai dan China ke Melaka.
- Menghantar rombongan persahabatan ke Siam.



Tun Perak menyambut utusan dari negara luar.

#### 4. Panglima Tentera

- Tun Perak membantu Sultan Mansur Shah meluaskan empayar Kesultanan Melayu Melaka.
- Tun Perak berjaya mengalahkan Pahang yang ketika itu berada di bawah penguasaan Siam.
- Tun Perak membantu Sultan Pasai yang menghadapi perang saudara.



Tun Perak sebagai panglima tentera sedang membuat persediaan menghadapi perperangan.

Tun Perak ialah bendahara yang terbilang. Beliau telah menjalankan peranannya sebagai ketua pembesar, penasihat sultan, ketua diplomat dan panglima tentera dengan cemerlang.



#### Aktiviti PAK-21

#### Pembentangan Hasil Sendiri



Bentangkan kepada kelas nilai kepimpinan Tun Perak yang boleh dicontohi. Pembentangan boleh dilakukan dengan menggunakan aplikasi TMK.

5.3.2  
K 5.3.5

#### Nota Guru

Bimbing murid melaksanakan aktiviti dengan pelbagai cara dan bahan.



## Kebijaksanaan Tun Perak

Kebijaksanaan Tun Perak telah menyumbang kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Kebijaksanaan beliau dapat dilihat dalam bidang pentadbiran, pertahanan, diplomatik, pengembangan agama Islam dan mempertahankan Kesultanan Melayu Melaka.

**I**

### Pentadbiran

Tun Perak berjaya mewujudkan kerjasama yang erat antara sultan dengan pembesar dalam pentadbiran. Kerjasama ini berjaya meluaskan empayar Melaka meliputi Tanah Melayu, pantai timur Sumatera dan Kepulauan Riau-Lingga.



Empayar Kesultanan Melayu Melaka.

2

## Pertahanan

Tun Perak mengarahkan supaya jamung dipasang pada setiap pokok bakau di sepanjang pantai. Tentera Siam membatalkan hasrat untuk menyerang Melaka. Mereka menyangka ramai tentera Melaka telah bersiap sedia di sepanjang pantai tersebut.



Tentera Siam membatalkan serangan ke atas Melaka.

3

## diplomatic

## Diplomatic

Tun Perak berjaya mengekalkan keamanan dan menjamin keselamatan Melaka daripada ancaman luar. Tun Perak menulis surat kepada Raja Siam untuk menjalankan hubungan persahabatan. Raja Siam menyambut baik hasrat tersebut.

4

## Agama Islam


Tun Perak merupakan seorang pembesar yang berpegang teguh kepada ajaran Islam. Tun Perak menggalakkan kedatangan ulama ke Melaka dan menasihati sultan. Tun Perak juga menasihati sultan supaya memerintah kerajaan mengikut ajaran Islam.



### Glosari

**Jamung:** andang, suluh.

Kebijaksanaan Tun Perak terbukti apabila beliau mempertahankan Kesultanan Melayu Melaka dalam peristiwa anaknya Tun Besar dibunuh oleh Raja Muhammad. Tun Perak milarang pengikutnya menuntut bela, sebaliknya meminta mereka supaya setia kepada Sultan Melaka.



Peristiwa destar Raja Muhammad jatuh terkena bola raga yang disepak oleh Tun Besar.

Kebijaksanaan Tun Perak dalam mentadbir, mempertahankan kerajaan dan membuat keputusan telah mendapat kepercayaan sultan.



### Glosari

**Destar:** tanjak atau tengkolok.



### Aktiviti PAK-21

### Team Word-Web

Bentuk empat kumpulan. Ketua kumpulan akan menulis topik “Kaji Nilai Taat Setia kepada Pemimpin” pada kertas sebak. Setiap ahli kumpulan akan menulis idea mengikut warna pen yang berbeza. Bentangkan.



## Permainan Siapa Pantas

### Cara Bermain:

1. Permainan dilakukan secara individu.
2. Pemain pertama yang berjaya menjawab semua soalan dikira sebagai pemenang.



### Nota Guru

- Bimbing murid melaksanakan aktiviti mengikut kreativiti guru.
- Perbanyak halaman ini.



## Aktiviti PAK-21 Pembelajaran Berlirik (*Lyric Lesson*)

Secara berkumpulan, buat persembahan dengan mengikut irama lagu *Jong Jong Inai* berdasarkan kreativiti masing-masing.



Jong Jong Inai  
Mak Ipong Rajawali (2x)



Jong Jong Inai  
Mak Ipong Rajawali  
Sepak tunggul inai  
Berdarah ibu kaki.



Wahai Tun Perak yang dihormati  
Menjadi pemimpin bijak bestari  
Marilah semua kita contohi  
Teladan beliau kita patuhi.



Imbas kod QR




Lagu *Jong Jong Inai*






## Imbas Kembali



### Riwayat Hidup Tun Perak

Tun Perak pernah memegang jawatan sebagai Penghulu Klang dan Penghulu Bendahari Melaka sebelum dilantik sebagai Bendahara Melaka.



### Peranan Tun Perak

Tun Perak memainkan peranan utama sebagai ketua pembesar, penasihat sultan, ketua diplomat dan panglima tentera.



### Kebijaksanaan Tun Perak

Kebijaksanaan Tun Perak dapat dilihat dalam bidang pentadbiran, pertahanan, diplomatik, pengembangan agama Islam dan mempertahankan Kesultanan Melayu Melaka.

Unit ini membincangkan riwayat hidup, peranan dan kebijaksanaan Tun Perak untuk mencapai kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Unit seterusnya akan membincangkan seorang lagi tokoh terbilang Kesultanan Melayu Melaka, iaitu Laksamana Hang Tuah.




## Fikir dan Jawab

Warta

# Sejarah

## Siapakah Tun Perak?



### Biodata:

---

---

---

### Peranan:

---

---

---

### Nilai-nilai Murni:

Nilai-nilai murni daripada kepimpinan Tun Perak

---

---

---

### Riwayat hidup

Dilantik menjadi Penghulu Klang

Meninggal dunia ketika pemerintahan Sultan Mahmud Shah

- Bimbing murid mengisi maklumat Tun Perak.
- Perbanyak halaman ini.



## Cinta akan Negara

Kewibawaan dan kebijaksanaan seorang pemimpin merupakan faktor penting untuk kestabilan kerajaan.

### Diri

Mencontohi kebijaksanaan tokoh terbilang membawa kepada kemakmuran diri dan kesejahteraan keluarga.

### Masyarakat

Kesejahteraan keluarga akan membentuk masyarakat yang saling bekerjasama dalam mempertahankan kestabilan dan keselamatan negara.

### Negara

Kemakmuran yang dicapai akan membawa kemajuan kepada negara dalam pelbagai bidang.



Putrajaya merupakan pusat pentadbiran negara.

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

Unit  
11

# HANG TUAH LAKSAMANA TERBILANG



## Sinopsis

Hang Tuah merupakan laksamana terbilang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ketokohan Hang Tuah menyebabkan Sultan Melaka melantiknya sebagai Laksamana Melaka. Unit ini membincangkan riwayat hidup, kualiti diri dan peranan Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka.





## Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menyatakan riwayat hidup Hang Tuah.
2. Menjelaskan kualiti diri Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka.
3. Menganalisis peranan Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka.



## Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Menerangkan riwayat hidup Laksamana Hang Tuah.
2. Mengenal pasti kualiti diri yang dimiliki oleh Hang Tuah.



## Nilai Teras Sivik

- Bertanggungjawab
- Hormat-menghormati



Arca Hang Tuah bersama-sama dengan sahabatnya.


(Sumber: Hang Tuah Center, Melaka)



## Riwayat Hidup Hang Tuah

Hang Tuah merupakan tokoh terbilang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kebijaksanaan Hang Tuah menyebabkan sultan melantiknya menjadi Laksamana Melaka.

1



Hang Tuah berasal dari Kampung Sungai Duyung. Bapanya bernama Hang Mahmud dan ibunya bernama Dang Merdu Wati.

2



Beliau mempunyai empat orang sahabat karib, iaitu Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu.


3



Hang Tuah merupakan seorang yang berani dan tangkas. Beliau pernah menyelamatkan bendahara dalam peristiwa amuk.

Bendahara telah mencadangkan Hang Tuah dilantik sebagai Laksamana Melaka. Empat orang sahabatnya pula dilantik sebagai hulubalang Melaka.

4




Hang Tuah telah menjalankan tugas sebagai laksamana dengan penuh dedikasi.



### Cerdas Minda

Nyatakan nama sahabat Hang Tuah.

5



Hang Tuah telah berjaya melihat wajah Maharaja China yang tidak boleh ditatap oleh sesiapa pun semasa mengetuai rombongan menghantar utusan Melaka ke negara China.

6



Hang Tuah menggunakan kebijaksanaannya memujuk Tun Teja untuk berkahwin dengan Sultan Melaka. Hang Tuah berjaya membawa Tun Teja ke Melaka.

7



Hang Tuah telah difitnah dan dijatuhi hukuman bunuh oleh Sultan Melaka. Bendahara bertindak menyelamatkan Hang Tuah dengan menyembunyikannya.

8



Hang Jebat telah mengamuk kerana mahu menuntut bela atas kematian sahabatnya, Hang Tuah.

9



Sultan menyedari dan menyesali kesilapannya. Bendahara telah memberitahu sultan bahawa Hang Tuah masih hidup. Sultan menitahkan Hang Tuah untuk mengembalikan keamanan di Melaka.

10



Hang Tuah berjaya menumpaskan Hang Jebat. Hang Tuah dilantik semula sebagai Laksamana Melaka. Sumbangan beliau telah membawa kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

(Sumber: Kassim Ahmad, 1992. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

Riwayat hidup Hang Tuah membuktikan bahawa status rakyat dalam masyarakat boleh berubah apabila diberikan jawatan oleh sultan.



Jelaskan kesetiaan Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka.

5.4.1  
K 5.4.4

#### Nota Guru

Bimbang murid menjelaskan kesetiaan Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka.



## Kualiti Diri Hang Tuah

Hang Tuah dilantik sebagai Laksamana Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah. Kualiti diri yang dimiliki oleh Hang Tuah menyebabkan beliau dapat memberikan sumbangan yang bermakna pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.


### Bijaksana

- Menggunakan kebijaksanaannya ketika bertarung dengan Taming Sari sehingga memperoleh kemenangan.
- Menguasai 12 bahasa untuk memudahkannya menjalankan tugas rasmi.



### Jujur dan Amanah

- Menjalankan tugas yang diamanahkan dengan jujur demi kesejahteraan Melaka.



### Bertanggungjawab

- Menjaga keselamatan perairan Melaka supaya menjadi pusat perdagangan yang terkenal di dunia.
- Menjaga nama baik Melaka semasa menjadi utusan ke China, India dan Turki.



### Cerdas Minda

Nyatakan contoh kualiti diri yang dimiliki oleh Hang Tuah.





### Taat Setia

- Mentaati perintah sultan.

### Berani

- Menyelamatkan Bendahara Tun Perak daripada orang mengamuk.
- Hang Tuah mengalahkan orang upahan Majapahit yang dihantar oleh Patih Gajah Mada.



### Berkemahiran dalam Ilmu Persilatan

- Mahir dalam ilmu persilatan.
- Mempelajari ilmu persilatan dengan gurunya, Aria Putera.

Kualiti diri yang dimiliki oleh Hang Tuah telah membawa kestabilan dan kemakmuran Kesultanan Melayu Melaka.



5.4.2  
K 5.4.5

#### Nota Guru

Bimbing murid memahami kualiti diri Hang Tuah.




## Peranan Hang Tuah

Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka telah diberikan peranan penting pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Ketokohan dan kualiti yang ada pada dirinya membantu Hang Tuah mengatasi sebarang halangan ketika melaksanakan tanggungjawabnya.

Waktu siang terbang sang helang,  
Meredah lembah, merentas hutan;  
Laksamana Hang Tuah pahlawan terbilang.  
Taat setia kepada sultan.




Setia kepada sultan.



Ketua Angkatan Laut.


Burung pipit terbang berkawan,  
Terbang berkawan dalam taman;  
Musuh durjana habis dilawan,  
Amanlah negeri sepanjang zaman.

Cantiknya cincin berbelah rotan,  
Buat meminang dara jelita;  
Setia menjaga paduka sultan,  
Tanah jajahan luas merata.



Pengawal sultan.

Tiung hinggap di dahan patah,  
Melihat kerbau di dalam bendang;  
Apa dititah tidak dibantah,  
Meminang Si Puteri di Gunung Ledang.




Melaksanakan perintah sultan.



Menjamin keselamatan pedagang.

Cili padi digiling lumat,  
Buat memasak ikan haruan;  
Pedagang asing dijamin selamat,  
Lanun yang ganas sudah ditawan.



Menjaga keamanan perairan.

Indah berseri bunga di taman,  
Petik sekuntum semat di baju;  
Laut yang luas sudahlah aman,  
Melaka sejahtera berkembang maju.




Tun Teja.

Tun Teja sudah percaya,  
Disangka Tuah yang jatuh cinta;  
Teja dibawa ke dalam bahtera,  
Rupanya Teja untuk Si Raja.

Dua pendekar beradu tenaga,  
Pahlawan Melaka, pahlawan Betara;  
Akhirnya tewas pendekar Jawa,  
Hang Tuah berjaya mendapat kerisnya.



Hang Tuah sedang berlawan dengan Taming Sari.



Mengetuai rombongan ke China.

Hang Tuah bijak orangnya,  
Dalam diam berfikirlah dia;  
Akhirnya melihat wajah Maharaja,  
Kangkung dimasak dipotong tiada.



### Aktiviti PAK-21

### Fikir-Pasang-Kongsi (Think-Pair-Share)

1. Cari maklumat berkaitan dengan sikap yang perlu ada untuk mempertahankan kedaulatan negara.
2. Ahli kumpulan diberikan masa untuk berfikir dan kemudian membincangkannya dengan ahli pasukan lain secara berpasangan.
3. Ahli kumpulan akan berkongsi jawapan melalui pembentangan Power Point.



## Aktiviti Permainan

### A. Permainan Kualiti Diri Hang Tuah



#### Cara Bermain:

1. Bentuk tiga atau empat kumpulan.
2. Lantik seorang ketua kumpulan.
3. Ketua kumpulan akan mengambil sekeping kad soalan daripada kotak yang diletakkan di hadapan kelas.
4. Ahli kumpulan perlu mengenal pasti kualiti diri Hang Tuah berdasarkan penyataan yang terdapat di belakang kad.
5. Ketua kumpulan perlu menulis kualiti diri Hang Tuah di bahagian muka hadapan kad.
6. Apabila selesai, letakkan kad ke dalam kotak yang disediakan dan ambil kad soalan yang lain.
7. Setiap kumpulan mesti mengambil dan menjawab semua kad soalan yang diletakkan di dalam kotak.
8. Kumpulan yang paling cepat dan tepat menjawab tentang kualiti diri Hang Tuah dianggap sebagai pemenang.

#### Penyataan di belakang kad

Menyelamatkan bendahara  
daripada orang mengamuk

#### Muka hadapan kad Kualiti Diri Hang Tuah




#### Nota Guru

- Bimbing murid menjawab soalan yang disediakan.
- Aktiviti permainan boleh dijalankan mengikut kreativiti guru.
- Tambah penyataan lain yang menunjukkan kualiti diri Hang Tuah.



## Aktiviti Permainan

B. Cari jawapan dalam petak huruf di bawah.



### Rakan Hang Tuah

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_

### Kualiti Diri Hang Tuah

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_
4. \_\_\_\_\_



## Aktiviti

Pilih salah seorang anggota keluarga anda. Kaji kualiti diri anggota keluarga tersebut yang boleh anda contohi.



Nama:

Umur:

Pertalian:

Bil.	Kualiti Diri Anggota Keluarga	Situasi
1	Rajin	Membantu ayah mencuci kereta
2		
3		
4		
5		



### Nota Guru

Bimbing murid memahami kualiti diri anggota keluarga yang dipilih.



## Imbas Kembali



### Riwayat Hidup Hang Tuah

Hang Tuah merupakan seorang laksamana yang telah berkhidmat dengan dedikasi pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.



### Kualiti Diri Hang Tuah

Hang Tuah memiliki kualiti diri seperti bijaksana, bertanggungjawab, berani, taat setia, jujur dan amanah serta mahir dalam ilmu persilatan.



### Peranan Hang Tuah

Hang Tuah menjalankan peranan sebagai ketua angkatan laut, pengawal sultan, melaksanakan perintah sultan, menjaga keselamatan pedagang dan memastikan keamanan perairan Melaka.



## Fikir dan Jawab

A. Isi tempat kosong tentang kualiti diri Hang Tuah.

Kualiti Diri  
Hang Tuah

1

Berani

Menyelamatkan Bendahara Tun Perak daripada orang mengamuk.

2

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

3

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

4

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

5

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

6

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

B. Lengkapkan peta bulatan di bawah ini.





## Cinta akan Negara

Mengenali dan menghayati sumbangan tokoh dapat memupuk sifat-sifat terpuji dalam diri warganegara Malaysia.

### Diri

Seseorang perlu mempunyai kualiti diri yang baik untuk memberikan sumbangan kepada ahli keluarga dan masyarakat.

### Masyarakat

Pembentukan masyarakat yang harmoni dan sejahtera dapat dilahirkan melalui kualiti diri yang terpuji.

### Negara

Masyarakat yang mempunyai jati diri dapat mempertahankan kedaulatan negara daripada sebarang ancaman luar.



# Senarai Rujukan

- A. Bakar Hamid, 1979. *Peristiwa-peristiwa dari Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad, 1983. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad, 2015. *Sulalatus Salatin* (Edisi Pelajar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rahim Abd. Rashid, 1999. *Pendidikan Sejarah: Falsafah, Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Haji Abdullah, 1994. *Pengantar Ilmu Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria Ghazali, 2018. *Kesultanan Melayu Melaka Penelitian Semula 1262–1528*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Abu Hassan Sham, 1982. *Diskusi Peristiwa-peristiwa dari Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana.
- Ahmad Jelani Halimi, 2008. *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmad Jelani Halimi, 2006. *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, Barbara, 2007. “Malacca” dlm. Clifford Edmund Bosworth. *Historic Cities of the Islamic World*. Netherlands: Brill Academic Publishers.
- Arba’iyah Mohd Noor, 2002. *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baker, Stuart, 2012. *Perubahan Iklim di Artik*. Diterjemah oleh Nor Idatul Akmar Zulkipli. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Bellwood, P., 1997. *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Carr, E.H., 1998. *Apakah Sejarah?* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Freeman, Michael dan Jacques, Claude, 2007. *Ancient Angkor*. Bangkok: Rivers Book Ltd.
- Goh Cheng Leong, 2010. *Atlas Sumber dalam Geografi Fizikal*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Hall, D.G.E., 1987. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasanuddin Yusof, 2017. *Teknologi Kesultanan Melaka: Membongkar Keagungannya Berdasarkan Catatan Portugis*. Negeri Sembilan: Cintai Publication.
- Kamaludin Hassan, 1998. “The Postglacial and Holocene Periods” dlm. *Early History, The Malaysia Encyclopedia*, Jilid 4. Editions Didier Millet Pte. Ltd.
- Kamaludin Hassan, 1998. “The Pleistocene Age or Ice Age Period” dlm. *Early History, The Malaysia Encyclopedia*, Jilid 4. Editions Didier Millet Pte. Ltd.
- Kassim Ahmad, 1992. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Khoo Kay Kim (ed.), 1982. *Melaka dan Sejarahnya*. Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Kong Yuanzhi, 2000. *Cheng Ho Muslim Tionghoa: Misteri Perjalanan Muhibah di Nusantara*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Lorna et al., 2003. *Great Civilizations of The East*. London: Annes Publishing.
- Maspero, Georges, 2002. *The Champa Kingdom, The History of Extinct Vietnamese Culture*. Bangkok: White Lotus.
- Muhammad Yusoff Hashim, 2015. *Kesultanan Melayu Melaka*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Yusof Ibrahim, 1986. *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Yusof Ibrahim, 1986. *Pengertian Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), 1998. *Encyclopedia of Malaysia: Early History*. Singapura: Editions Didier Millet Pte. Ltd.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Zuliskandar Ramli (ed.), 2018. *Prasejarah dan Protosejarah Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraida Mat Saman, 2011. *Johor Darul Takzim*. Kuala Lumpur: Arus Intelek.
- Noraida Mat Saman, 2011. *Sabah Negeri di Bawah Bayu*. Kuala Lumpur: Arus Intelek.
- Noraida Mat Saman, 2011. *Sarawak Bumi Kenyalang*. Kuala Lumpur: Arus Intelek.
- Roshen Dalal, 2010. *The Compact Timeline History of The World*. Cambridge: Worth Press.
- Rozeman Abu Hassan, 2004. *Mengenali dan Mentafsir Sumber Sejarah*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Saat Sulaiman, 2012. *Ibu Bapa Mithali*. Selangor: PTS Millennia.
- Shellabear,W.G., 1982. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sivarajan, P., Malar Arasi, S. dan Elangko, M., 2011. *Pengantar Sejarah*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Skinner, Brian J., S.C. Porter dan J. Park, 2013. *Dynamic Earth*. Fifth Edition. London: John Wiley & Sons.
- Suntharalingam, R., 1985. *Pengenalan kepada Sejarah*. Kuala Lumpur: Merican and Sons (M) Sdn. Bhd.
- Tunku Halim, 2016. *Sejarah Malaysia (Ensiklopedia Kanak-kanak)*. Selangor: MPH Publishing.

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baiknya dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

### Skim Pinjaman Buku Teks

**Sekolah** \_\_\_\_\_

Tahun	Darjah	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**



RM12.60

ISBN 978-983-49-2472-0



9 789834 924720

BT094001